

Headline	Fama beli setengah juta hasil dari Ladang Kontrak MOA		
MediaTitle	Sinar Harian (Pantai Timur)		
Date	07 Jul 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	18	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	195 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,638



## Fama beli setengah juta hasil dari Ladang Kontrak MOA

**KUALA TERENGGANU** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) negeri merekodkan sebanyak 568.764 metrik tan dengan nilai RM523,171.40 hasil pengeluaran dari Ladang Kontrak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sepanjang tahun ini sehingga bulan Jun 2018.

Pengarah Fama negeri, Fauzi Mohamed berkata, hasil atau komoditi tembikai paling banyak direkodkan dalam tempoh berkenaan iaitu 454.64 metrik tan dengan nilai RM367,701.60 diikuti tanaman labu manis, 104.46 metrik tan (RM105,572).

Menurutnya, hasil-hasil yang dibeli oleh Fama termasuklah cili merah, timun batang, rock melon dan nenas.

"Jumlah itu akan meningkat berikutan terdapat beberapa lagi perjanjian jual beli baharu yang dibuat termasuk awal Julai ini melibatkan peserta atau petani seramai 18 orang dengan nilai RM117,200 iaitu di Tanaman Kelompok Cili di Kampung



Fauzi melihat cili yang ditanam petani kelompok Kampung Langkap di Pusat Pengumpulan Ladang Kampung Langkap.

Kasar, Kampung Langkap dan Kampung Nibong, Setiu.

"Perjanjian jual beli ialah satu perjanjian yang ditandatangani di antara usahawan atau pengeluar dan Fama sebagai pihak pembeli mengikut spesifikasi, komoditi, gred, harga, kuantiti, tempoh masa, lokasi, pembungkusan dan kaedah pembayaran yang diper-setujui bersama," katanya pada Majlis Menandatangani

Perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak di Pusat Pengumpulan Ladang Kampung Langkap, Setiu.

Dalam masa sama, Fauzi berkata, pencapaian perjanjian jual beli juga dilihat semakin meningkat apabila sebanyak 1,155 metrik tan pelbagai jenis hasil dibeli Fama ekoran perjanjian jual beli melibatkan 58 petani di seluruh negeri sehingga Jun 2018 dengan nilai sebanyak RM920,150.